



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**  
**SUKU TAHUNAN SUKU KEEMPAT 2021**  
**DAN TAHUNAN 2021**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT  
FOURTH QUARTER 2021  
AND ANNUAL 2021*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN  
SUKU KEEMPAT 2021 DAN TAHUNAN 2021**


**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA:  
SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS TERUS MENCATATKAN  
PENINGKATAN PADA TAHUN 2021.**

1. Sektor Bukan Minyak & Gas yang menyumbang sebanyak 51.2 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar (GVA) telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.0 peratus manakala Sektor Minyak dan Gas yang menyumbang sebanyak 48.8 peratus telah menurun sebanyak 4.8 peratus. Dengan penurunan Sektor Minyak dan Gas ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun 2021 sebanyak 1.6 peratus.
2. Bagi tahun 2021, penurunan bagi Sektor Minyak dan gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG). Manakala peningkatan bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan Subsektor-Subsektor seperti Perdagangan Borong dan Runcit, Pembuatan Bukan Minyak dan Gas dan Perkhidmatan Perniagaan.
3. Pada suku keempat (Q4) 2021, pertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam telah menurun sebanyak 1.4 peratus tahun-ke-tahun disebabkan oleh penurunan Sektor Minyak & Gas sebanyak 4.1 peratus. Walaubagaimanapun, Sektor Bukan Minyak & Gas mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus.

4. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q4 2021 adalah sebanyak BND5.2 bilion berbanding BND4.1 bilion pada Q4 2020. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 50.4 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 49.6 peratus.



5. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 105.0 ribu tong sehari pada Q4 2020 kepada 103.4 ribu tong sehari pada Q4 2021. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 32.5 juta meter padu sehari pada Q4 2020 kepada 29.8 juta meter padu sehari pada Q4 2021. Selain itu, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 901,071 MMBtu sehari kepada 774,076 MMBtu sehari pada tempoh yang sama. Penurunan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti penyelenggaraan dan pemulihan. Sementara itu, penurunan pengeluaran LNG pula adalah disebabkan oleh bekalan gas yang terhad dan aktiviti penyelenggaraan pada salah satu kemudahan loji LNG.
6. Namun demikian, Sektor Bukan Minyak & Gas terus menunjukkan perkembangan yang positif walaupun negara menghadapi gelombang kedua COVID-19. Diantara subsektor-subsektor yang menunjukkan peningkatan pada suku keempat 2021 ini adalah seperti Kewangan, Pengangkutan Udara, dan Pembuatan Bukan Minyak dan Gas.

7. Peningkatan Subsektor Kewangan adalah disebabkan oleh peningkatan aktiviti insuran selaras dengan peningkatan jumlah pengambilan insuran nyawa.
8. Subsektor Pengangkutan Udara juga meningkat pada Q4 2021 selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan dan pelepasan penumpang udara berikutan keluar masuk dari negara ini telah dibenarkan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perdana Menteri.
9. Peningkatan Subsektor Pembuatan Bukan Minyak dan Gas adalah selaras dengan peningkatan pengeluaran pembuatan produk makanan dan barang binaan.
10. Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan sejak Q2 2020. Pada Q4 2021, sektor ini telah meningkat sebanyak 6.1 peratus disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pengeluaran Perikanan dan Perhutanan. Peningkatan Subsektor Perikanan adalah selaras dengan peningkatan industri penangkapan ikan bagi aktiviti nelayan kecil-kecilan dan kapal komersial. Manakala, penyumbang utama bagi industri akuakultur adalah keluaran ternakan udang. Sementara itu, peningkatan dalam Subsektor Perhutanan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran kayu gergaji. Walaubagaimanapun, sumbangan sektor ini kepada nilai tambah kasar (GVA) masih di tahap rendah iaitu hanya sebanyak 1.1 peratus jika dibandingkan dengan Sektor Minyak dan Gas pada nilai BND56.3 juta.
11. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK pada Q4 2021 adalah disebabkan penurunan permintaan dalam negeri sebanyak 6.0 peratus, yang mana didorong oleh penurunan Perbelanjaan Kapital Kerajaan dan Swasta. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan Eksport Barang dan Perkhidmatan sebanyak 17.2 peratus tahun-ke-tahun yang terutamanya didorong oleh peningkatan eksport bahan api galian. Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah juga mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 6.5 peratus dan 1.2 peratus.

### KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap

	Q4 2020	Q4 2021	% Pertumbuhan
<b>Permintaan Dalam Negeri</b>	<b>3,928.3</b>	<b>3,691.1</b>	<b>(6.0)</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,140.9	1,215.0	6.5
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,061.9	1,074.2	1.2
Perbelanjaan Kapital	1,725.4	1,401.9	(18.8)
<b>Permintaan Luar Negeri</b>	<b>3,452.6</b>	<b>4,047.7</b>	<b>17.2</b>
Eksport Barang dan Perkhidmatan	3,452.6	4,047.7	17.2
<b>KDNK</b>	<b>5,049.7</b>	<b>4,976.9</b>	<b>(1.4)</b>

12. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Data dan maklumat KDNK bagi tahun 2021 adalah mengambilkira pengemaskinian data dan maklumat bagi Suku Pertama hingga Suku Ketiga 2021. Laporan penuh KDNK Suku Keempat 2021 dan Tahunan 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn)



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**FOURTH QUARTER 2021 AND ANNUAL 2021**


**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE:**  
**THE NON-OIL AND GAS SECTOR CONTINUED TO REGISTER AN INCREASE IN 2021.**

1. *The Non-Oil & Gas Sector which contributed 51.2 percent to the total gross value added (GVA) recorded an increase of 2.0 percent meanwhile the Oil & Gas Sector which contributed 48.8 percent decreased by 4.8 percent. The decline of the Oil and Gas Sector has caused the country's economy to grow at a negative rate in 2021 by 1.6 percent.*
2. *In 2021, the decline in the Oil and Gas Sector was due to lower production of crude oil, natural gas, and liquefied natural gas (LNG). Meanwhile, the increase in the Non-Oil and Gas Sector was driven by the rise in Subsectors such as Wholesale and Retail Trade, Non-Oil and Gas Manufacturing, and Business Services.*
3. *In the fourth quarter (Q4) of 2021, Brunei Darussalam's GDP growth rate declined by 1.4 percent year on year due to a decrease in the Oil & Gas Sector by 4.1 percent. Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector recorded an increase of 1.4 percent.*
4. *Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q4 2021 was valued at BND5.2 billion compared to BND4.1 billion in Q4 2020. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 50.4 percent of the total gross value*

*added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 49.6 percent.*



5. *The decline in the Oil & Gas Sector was due to a decrease in the production of crude oil from 105.0 thousand barrels per day in Q4 2020 to 103.4 thousand barrels per day in Q4 2021. Natural gas production also recorded a decrease from 32.5 million cubic metres per day in Q4 2020 to 29.8 million cubic metres per day in Q4 2021. In addition, LNG production declined from 901,071 MMBtu per day to 774,076 MMBtu per day during the same period. The reduction in crude oil and natural gas production was due to shutdown turnaround activities. Meanwhile, the decline in LNG production was due to limited gas supply and maintenance activities at one of the LNG plant facilities.*
6. *However, the Non-Oil & Gas Sector continued to show positive developments despite the country facing the second wave of COVID-19. Finance, Air Transport and Non-Oil and Gas Manufacturing were among the subsectors that showed improvement in the fourth quarter of 2021.*
7. *The rise in the Finance Subsector was due to an increase in insurance activities in line with the increase in the number of life insurance take-up.*

8. The Air Transport Subsector also increased in Q4 2021, in line with an increase in the number of arrivals and departures of air passengers as entry and exit from the country have been permitted according to the conditions set by the Prime Minister's Office.
9. The expansion of the non-oil manufacturing subsector corresponded to an increase in food manufacturing and construction material production.
10. In addition, the Agriculture, Forestry & Fishery Sector has also continued to show encouraging performance since Q2 2020. In Q4 2021, this sector has increased by 6.1 percent due to Fishery and Forestry production activities. An increase in the Fishery Subsector was in line with the rise in the capture industry for the small-scale and commercial-scale fisherman activities. The increase in sawn timber production was the major contributor to the growth in the Forestry Subsector. However, this sector's contribution to gross value added (GVA) is still at a low level of only 1.1 percent compared to the Oil and Gas Sector at BND56.3 million.
11. By expenditure approach, a decline in GDP growth in Q4 2021 was mainly due to a decrease in the domestic demand by 6.0 percent, driven by a reduction in Gross Capital Formation for both Government and Private. However, this growth was moderated by an increase in the Exports of Goods and Services by 17.2 percent year-on-year, mainly driven by exports of mineral fuels. The Government Final Consumption Expenditure and the Household Final Consumption Expenditure also recorded increases of 6.5 percent and 1.2 percent, respectively.

#### GDP by Expenditure at Constant Prices

	Q4 2020	Q4 2021	% Growth
<b>Domestic Demand</b>	<b>3,928.3</b>	<b>3,691.1</b>	<b>(6.0)</b>
Government Final Consumption Expenditure	1,140.9	1,215.0	6.5
Household Final Consumption Expenditure	1,061.9	1,074.2	1.2
Gross Capital Formation	1,725.4	1,401.9	(18.8)
<b>External Demand</b>	<b>3,452.6</b>	<b>4,047.7</b>	<b>17.2</b>
Exports of Goods and Services	3,452.6	4,047.7	17.2
<b>GDP</b>	<b>5,049.7</b>	<b>4,976.9</b>	<b>(1.4)</b>

12. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP data and information for 2021 takes into account the updated data and information for the First Quarter to the Third Quarter of 2021. The GDP full report for the Fourth Quarter of 2021 and Annual 2021 is available from DEPS's website: [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).*